

KAJIAN TINDAKAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENCARIAN MAKLUMAT DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN DENGAN MENGGUNAKAN GOOGLE SCHOLAR (Action Research in Increasing The Skills for Information Search Among Education Master's Degree Students Using Google Scholar)

* Fatin Fatinah Manap¹, Aidah Karim²

^{1,2}Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: ffatin22@gmail.com

Article History:

Submit: 9 January 2018

Accepted: 7 May 2018

Revised: 27 June 2018

Published: 30 June 2018

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 2, No. 1(2018), 58-66

Abstrak

Kajian tindakan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pencarian maklumat dalam kalangan pelajar sarjana pendidikan dengan menggunakan *Google Scholar*. Sehubungan dengan itu kajian tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh 14 minggu di Fakulti Pendidikan, Universiti kebangsaan Malaysia. Oleh itu satu bengkel berkaitan tentang pengenalan dan penggunaan *Google Scholar* telah dirancang dan dilaksanakan ke atas lima orang pelajar sarjana pendidikan. Pengumpulan data yang telah dijalankan menggunakan kajian lapangan dan sesi temu bual, pemerhatian dan ujian pra dan pos. Dapatan penggunaan *Google Scholar* ini berjaya meningkatkan kemahiran pencarian maklumat dalam kalangan pelajar sarjana pendidikan. Kesimpulan yang dapat dirumuskan bahawa penggunaan *Google Scholar* sangat berkesan serta dapat merangsang maksud Minat pelajar untuk terus menggunakannya sebagai enjin carian sumber maklumat yang lebih pantas dan mudah disamping dapat memberikan manfaat kepada mereka khususnya dalam membuat tugas ilmiah.

Kata kunci : Kemahiran, Pencarian Maklumat, *Google Scholar*

Abstract

This course of study is aimed at enhancing information retrieval skills among undergraduate students using Google Scholar. Corresponding to that, this study was conducted within 14 weeks at the Faculty of Education, National University of Malaysia. An introductory workshop of Google Scholar utilization has been planned and carried out onto five postgraduate students. Data collection was carried out using field studies and interviews, observations and pre and post interviews. The finding has shown that Google Scholar was able to improve the information retrieval skills among postgraduate students. A conclusion that can be drawn is that the usage of Google Scholar is very effective yet stimulates students' interest in using the search engine as it is a faster and convenient source of information, which benefits them especially in completing scientific assignments.

Keywords: *Skills, Information Searching, Google Scholar*

1.0 PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 telah mendokumentasikan 10 lonjakan yang dijangka dapat melonjak penggunaan teknologi dalam mengejar status negara maju seiring dengan negara-negara besar di peringkat global. Terdapat pelbagai maklumbalas yang diterima oleh pihak kementerian daripada pakar-pakar pendidikan malaysia dan antarabangsa, pemimpin institusi pengajian tinggi tempatan dan masyarakat umum sepanjang tempoh 2013 sehingga 2015 (kpm, 2013).

Perkembangan teknologi saat ini tidak dapat dipisahkan dengan pelajar dalam mencari sumber maklumat dalam melaksanakan tugas ilmiah. *Google scholar* merupakan enjin carian dalam kalangan pelajar seiring dengan rupa bentuk pendidikan yang sesuai dengan generasi abad ke-21. dalam menuju abad ke-21, perubahan hala tuju dalam bidang ekonomi yang berasaskan pengetahuan k-ekonomi (*knowledge economy*) amat mempengaruhi sistem pendidikan di negara kita. kemunculan penggunaan teknologi komputer dengan kemudahan internet memberi kesan yang mendalam kepada semua pelajar

agar dapat menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih seronok, berkesan dan lebih bermakna kepada pelajar (Tasir, Z., & Ing, S. C., 2008).

Hal ini telah banyak diperkatakan dan banyak bahan-bahan penulisan yang mengulas mengenai pendidikan yang mampu memenuhi harapan dan keperluan pendidikan masa kini dan masa depan dalam pelan pembangunan pendidikan malaysia (pppm) 2013 – 2025. Selain itu kebolehan membaca, menulis dan mengesan maklumat yang terdapat dalam pelbagai sumber yang ada dalam google scholar ini diperakui penggunaannya oleh para akademik.

Penggunaan ini juga meningkatkan pembentukan pelajar yang berdaya saing di institut pengajian tinggi (Omar, 2014). Kemahiran pencarian maklumat juga merupakan kemampuan memperolehi maklumat dengan berkesan serta menimbangkannya untuk mencapai sesuatu tujuan. Pakar pendidikan kementerian pendidikan malaysia (2013) bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu berubah sesuai dengan perkembangan teknologi cyber dan akses kepada internet yang semakin maju serta seiring dengan pelan pembangunan pendidikan malaysia 2013- 2025.

Google scholar menyediakan cara yang mudah untuk mencari karya ilmiah secara meluas. ia juga boleh mencari pelbagai sumber dalam pelbagai bidang dari satu lokasi: makalah, tesis, buku dan ikhtisar daripada penerbit akademik, masyarakat profesional, gedung simpanan dalam talian, universiti dan laman web lain. Selain itu google scholar dapat membantu pelajar sarjana mencari karya kajian ilmiah yang berkaitan di seluruh dunia.

Sehubungan dengan itu bagi mini library pula adalah kiraan tahap citation indeks seseorang individu. Hal ini bermaksud individu atau sebuah institusi boleh mengumpulkan tulisan mereka untuk diindekskan dalam satu database yang akan diindekskan oleh gs dalam my citation (Sanni & Zainab, 2010).

Tujuan indeks ini bagi membantu para sarjana membina database indeks dan mini library dalam impak tulisan mereka kepada masyarakat serta membantu mengindeks tahap citation individu, dan institusi dari tahun ke tahun (Mayr & Walter, 2007; Page, Larry & Brin, Sergey, 2014a; Page, Larry & Brin, Sergey 2014).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pengkaji merupakan pelajar diperingkat sarjana di fakulti pendidikan, universiti kebangsaan malaysia (ukm). semasa semester satu, pengkaji diberi tugas untuk membuat sebuah kertas konsep sendiri dan perlu mencari bahan rujukan jurnal/artikel di dalam google scholar sebagai kajian lepas. justeru itu pengkaji dapati ramai pelajar tahun satu dan dua masih kekurangan kemahiran mencari maklumat menggunakan google scholar yang betul.

Menurut farzana, mushahid & mahe (2010) pencarian maklumat daripada pelajar universiti mengenai tujuan asal mereka dalam menggunakan enjin carian untuk mencari rakan-rakan dan jarang digunakan untuk kerja-kerja prosiding dan kertas projek. selain itu pelajar juga mempunyai masalah membuat citation yang betul dalam rujukan.

3.0 SOROTAN KAJIAN / KAJIAN LITERATUR

Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi, maklumat tercipta sepanjang masa dan boleh diperolehi dengan kuantiti yang banyak dari segenap penjuru dunia pada bila-bila masa. Walaupun pengetahuan dan maklumat berlipat ganda, masa untuk mengesan, memperoleh, dan memproses maklumat yang betul-betul menepati kehendak adalah terhad (Juhana Salim 2010).

Kemahiran mendapatkan ilmu menjadi teras kepada literasi maklumat (Siti Sumaizan Ramli, 2013). Oleh itu maklumat sangat mudah diperolehi serta berupaya untuk memilih, mengguna dan menilai maklumat itu. dalam persekitaran pendidikan di malaysia, kemahiran-kemahiran pencarian maklumat dianggap penting dalam proses pencapaian serta kematangan pelajar. Sehubungan dengan itu melalui definisi literasi daripada Longman Dictionary Of Contemporary English (1990) pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang secukupnya untuk menggunakan sesuatu.

Kemahiran pencarian sumber maklumat bercetak dan elektronik adalah satu kemahiran yang perlu dipelajari oleh pelajar untuk membantu menilai kesahihan dan kualiti bahan yang dijadikan rujukan dengan sumber rujukan tepat dari pencarian google dan internet. penyebaran maklumat dan komunikasi telah menjadi global dan tanpa sepadan. di samping itu juga perkembangan pesat dunia internet menjadi

pemangkin kepada gelombang baru yang digelar sebagai gelombang ketiga oleh Toffler (1980) dengan mencirikan proses intensif pengetahuan dan teknologi boleh mewujudkan kekayaan dengan hanya bergantung kepada pertukaran data, maklumat dan pengetahuan (Omar, 2003).

Menurut menteri pelajaran Hishamuddin Tun Hussein (2007), teknologi tanpa wayar boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar, seperti juga pengajar boleh mengakses maklumat dan pertukaran idea dengan kumpulan lain di seluruh dunia (utusan malaysia, 2007) perkembangan dan perkhidmatan ict seperti internet, telefon bimbit, perbankan internet dan sebagainya telah mengubah bagaimana ilmu itu diperoleh dan digunakan. Justeru itu leung (2010) menjelaskan teknologi merupakan satu portal yang membolehkan pengguna berinteraksi mendapatkan maklumat dan hasil kajian.

Menurut zohra dan siri (2001) pula menyatakan kemahiran mencari maklumat merujuk kepada keupayaan mengumpul maklumat secara berkesan termasuk mengenalpasti sumber maklumat, jenis bahan dan memahami kehendak tugas manakala kemahiran menilai maklumat pula lebih kepada keupayaan seseorang dalam menentukan kewibawaan maklumat iaitu menentukan kesahihan dan kesesuaian maklumat serta tahu membeza di antara pandangan atau fakta. Selain itu kemahiran mengguna maklumat pula ialah kebolehan seseorang dalam menyusun maklumat untuk diolah, mengintegrasikan maklumat baru dengan maklumat yang sedia ada serta menggunakan maklumat untuk kemahiran kritikal dan penyelesaian masalah.

Secara umumnya bagi pelajar siswazah melakukan tugas ilmiah bebas menggunakan enjin carian di internet bagi projek tahun akhir kerana ianya lebih terperinci, cabaran pengajian lebih mencabar serta bahan pengajian harus diakses secara sendiri. Proses bagi melengkapkan tugas ilmiah terdiri daripada tiga langkah iaitu menimbulkan persoalan, mengumpul data untuk menjawab persoalan dan memberi jawapan kepada persoalan (Creswell, 2002).

Namun kebiasaanya pelajar menggunakan kemahiran pencarian maklumat apabila membuat assignment secara individu, prosiding dan kertas projek mereka. Terdapat juga perbezaan diantara siswazah dan pra-siswazah dalam berkemahiran mencari maklumat hal ini kerana siswazah lebih berfikiran luas dan berpengalaman serta mampu berfikir secara berdikari dalam menyelesaikan tugas (Adrienne et al, 2013) berbanding dengan pelajar pra-siswazah.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenal pasti tahap kemahiran pencarian maklumat dalam kalangan pelajar sarjana fakulti pendidikan ukm dengan menggunakan *google scholar*.
- b) Menilai tahap penguasaan kemahiran pencarian maklumat dengan menggunakan *google scholar* melalui ujian pra dan pos.

5.0 REKA BENTUK KAJIAN

Selaras dengan objektif kajian, penyelidik menggunakan Model Literasi Maklumat (*The Big Six*) sebagai asas pengukuran untuk menilai tahap kemahiran dalam pencarian maklumat dalam menggunakan aplikasi *Google Scholar* dalam kalangan pelajar sarjana di Fakulti Pendidikan.

Model *The Big Six* ini digunakan kerana ia sering dikaitkan dengan tahap kemahiran pencarian maklumat yang boleh didapati dari pelbagai sumber seperti seperti buku, jurnal, agensi kerajaan, konferen, media, laporan penyelidikan dan pangkalan data elektronik. Secara umumnya, ia dapat membantu untuk mengetahui reaksi pengguna terhadap aplikasi *Google Scholar* ini dalam mencari bahan ilmiah.

Pengkaji telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, ujian pra dan ujian pos serta temu bual. Data yang dikumpul telah mencukupi untuk memberi bukti dan sokongan dalam menjawab soalan-soalan kajian tindakan. Hasil temu bual berdasarkan objektif kajian untuk mengumpul data. Setiap pelajar menjawab soalan yang sama. Pelajar akan di soal oleh pengkaji **sebelum bengkel**, dan pelajar akan di soal sekali lagi **selepas bengkel**. Temu bual pengkaji kepada pelajar sebelum bengkel ini mengandungi tiga soalan dan selepas bengkel pula mengandungi tiga soalan. Temu bual ini dilakukan di dalam kelas secara face to face.



Rajah 1: Model Literasi Maklumat The “Big6™” is copyright ©(1987)

Soalan telah diajukan kepada pelajar sebelum dan selepas tindakan. Soalan sebelum bengkel tersebut terdiri daripada 4 soalan subjektif. Soalan sebelum itu diajukan kepada pelajar untuk mengesan sejauh mana tahap penggunaan mereka mengenai *Google Scholar* dalam kemahiran pencarian sumber maklumat ilmiah. Untuk menilai keberkesanan tindakan yang diambil, satu ujian pos telah diberikan kepada 5 orang pelajar tersebut. 3 soalan diajukan selepas sesi bengkel *Google Scholar* berakhir. Analisis dilakukan untuk melihat perubahan dalam peningkatan kemahiran pelajar tersebut sebelum dan selepas tindakan yang dijalankan.

Kaedah pemerhatian adalah kaedah pengumpulan maklumat yang lebih bersifat secara terus. Maklumat yang dikumpulkan dapat diperolehi dengan cara melihat dan mencatat perkara-perkara yang berkaitan dengan menggunakan senarai semak. Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap sikap dan kemahiran pelajar semasa aktiviti-aktiviti bengkel dijalankan.

6.0 PERANCANGAN KAJIAN TINDAKAN

Setelah mengenalpasti masalah yang hendak diselesaikan, penyelidik telah menyediakan kerangka kajian bagi mengenalpasti objektif kajian. Penyelidik juga telah merancang untuk menjalankan satu bengkel taklimat yang mana slot berkaitan pendedahan terhadap penggunaan aplikasi *Google Scholar* akan diadakan.

Prosedur juga telah ditetapkan seperti berikut:

Sebanyak empat aktiviti yang telah dirancang untuk membantu meningkatkan kemahiran penggunaan *Google Scholar*.

- a) Pengenalan kepada Google Scholar (Demo)
- b) Cara menggunakan “keyword” yang betul dalam mencari bahan
- c) Advance Search (dengan lebih tepat)
- d) Cara mendapatkan Citing dengan lebih cepat dalam format APA

Bengkel ini telah dijalankan pada 13 April 2017 (Khamis) di Makmal Komputer 3, Fakulti Pendidikan UKM dengan 5 orang pelajar sarjana. Semua bahan pengkaji diberikan nota secara *handout*. Ini bagi tujuan memudahkan para pelajar mengikuti bengkel tersebut dengan baik.



Rajah 2: Muka hadapan Nota/Handout

Semua pelajar sarjana diajar menggunakan *Google Scholar* mengikut langkah demi langkah oleh pengkaji melalui nota yang telah di edarkan. Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang bengkel *Google Scholar* :

1. AKTIVITI 1: Pengenalan kepada Google Scholar (Demo)

Aktiviti ini merupakan aktiviti individu bagi setiap pelajar .Semua pelajar diberi nota untuk guideline. Penerangan diberikan dengan lebih jelas supaya pelajar berpengetahuan dalam menggunakan *Google Scholar*.

2. AKTIVITI 2 : Cara menggunakan “keyword” yang betul dalam mencari bahan

Aktiviti ini merupakan aktiviti praktikal pada setiap individu. Pelajar diberi 3 tajuk yang berlainan untuk di cari. Pelajar menggunakan nota yang telah di sediakan .Pelajar di ajarkan menggunakan keyword yang betul.

3. AKTIVITI 3: Advance Search (dengan lebih tepat)

Aktiviti ini merupakan aktiviti praktikal pada setiap individu . Pelajar menggunakan nota yang telah di sediakan. Masih menggunakan 3 tajuk yang berlainan untuk di cari. Pelajar diajarkan menggunakan advance search dalam spesifik tajuk yang telah diberikan.

4. AKTIVITI 4 : Cara mendapatkan Citing dengan lebih cepat dalam format APA

Masih menggunakan 3 tajuk yang berlainan. Pelajar diajarkan mencari citing/ citation dalam ketiga-tiga tajuk yang telah diberikan dengan betul.



Rajah 3: Muka hadapan *Google Scholar*



Rajah 4: Cara mendapatkan rujukan dalam format APA

7.0 PESERTA KAJIAN

Kajian ini terdiri daripada 5 orang pelajar iaitu 2 orang pelajar lelaki dan 3 pelajar perempuan yang mengikuti program sarjana pendidikan universiti kebangsaan Malaysia. Mereka terdiri daripada bidang pendidikan sejarah, pendidikan bahasa melayu dan juga pendidikan matematik pada tahun 1 dan 2. Pelajar-pelajar ini masih kurang berkemahiran menggunakan *Google Scholar* dalam pencarian sumber maklumat dalam tugas ilmiah.

Sebelum memulakan kajian, terlebih dahulu pengkaji telah memohon kebenaran pensyarah kelas tersebut bagi mengadakan bengkel *Google Scholar* kepada mereka. Sehubungan dengan itu mereka diberitahu dahulu tentang bengkel *google scholar* menerusi iklan di aplikasi *whatsapp*.

8.0 PROSEDUR KAJIAN

Lewin (1946; 1948) merupakan orang pertama yang mewujudkan satu kodifikasi (codification) tentang prosedur menjalankan kajian tindakan. Beliau menyarankan prosedur itu sebagai mempunyai 4 peringkat utama :

- a) Merancang
- b) Bertindak
- c) Memerhati
- d) Merefleks

Menurut beliau kajian tindakan bermula dengan pengujudan satu idea umum dan kemudian data dipungut untuk mempersembahkan situasi itu. Dengan ini, satu pelan tindakan dapat dihasilkan untuk mencapai objektif yang dikenal pasti bersama dengan keputusan tentang langkah-langkah pertama yang perlu dijalankan. Peringkat seterusnya melibatkan pungutan fakta-fakta untuk memantau dan menilai intervensi itu, iaitu bertindak sebagai penilaian formatif.

Lewin (1948) menyatakan bahawa kesemua ini boleh diwujudkan sebagai satu proses gelungan (spiral) yang mengandungi perancangan, tindakan, pencarian fakta tentang hasil (outcome) daripada tindakan yang telah diambil itu.

9.0 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pengkaji mengedarkan nota tutorial yang disediakan untuk di serahkan kepada responden. Sehubungan dengan itu responsedn akan diberi masa selama 10-15minit bagi melihat nota tersebut sebelum memulakan tutorial. Selain itu responden akan membuat latihan bersama-sama pengkaji menerusi tutorial yang telah disediakan. Setelah selesai sesi tutorial tersebut seterusnya pengkaji akan menemu bual responden mengenai tahap kemahiran pencarian maklumat dengan menggunakan *Google Scholar*.

10.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penggunaan *Google Scholar* di kalangan pelajar sarjana adalah salah satu kemahiran dimana pelajar melaksanakan tugas mereka dalam pencaian sumber artikel/jurnal menerusi enjin carian. Maklumat Kemahiran mendapatkan ilmu menjadi teras kepada literasi maklumat (Siti Sumaizan Ramli, 2013). Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi, maklumat tercipta sepanjang masa dan boleh diperolehi dengan kuantiti yang banyak dari segenap penjuru dunia pada bila-bila masa sahaja.

Menurut Zohra dan Siri (2001) menyatakan definisi kemahiran pencarian maklumat merujuk kepada keupayaan mengumpul maklumat secara berkesan termasuk mengenalpasti sumber maklumat jenis bahan dan memahami kehendak tugas manakala Kemahiran menilai maklumat pula lebih kepada keupayaan seseorang dalam menentukan kewibawaan maklumat iaitu menentukan kesahihan dan kesesuaian maklumat serta tahu membeza di antara pandangan atau fakta. Dengan ini pelajar sarjana dapat menggunakan *google scholar* dalam meningkatkan kemahiran dalam pencarian maklumat pada masa akan datang dalam melaksanakan tugas harian mereka.

Terdapat 5 orang pelajar sarjana dalam bidang pendidikan yang menjalani bengkel *Google Scholar* ini. Pengkaji mendapati terdapat seorang pelajar perempuan yang kurang mahir dalam pencarian maklumat menggunakan *Google Scholar*. Selebihnya tahu menggunakan *Google Scholar* tetapi dengan tahap sederhana dalam pencarian maklumat. Selain itu terdapat 4 orang pelajar yang mempunyai sifat pro-aktif dalam menunjukkan komitmen dan semangat ingin tahu yang tinggi dalam penggunaan *Google Scholar*.

Walaupun bagaimanapun terdapat 2 orang pelajar tahu dan mahir dalam penggunaan *Advance Search* (dengan lebih tepat) dan selebihnya kurang mahir dalam penggunaannya. Setelah pengkaji berulang kali mengajarnya barulah mereka dapat mencari artikel/jurnal menggunakan *Advance Search* yang mereka kehendaki. Hasil daripada bengkel yang dijalankan mengikut model pengurusan maklumat, pengkaji mendapati pelajar masih kurang mahir dalam menilai proses pencarian maklumat serta sukar mengenal pasti sumber dapatan yang diperolehi dari penggunaan *Google Scholar*.

Sebelum pelajar mendapatkan sumber maklumat dengan tepat dalam menggunakan *Google Scholar* pelajar perlu mendefinisikan maklumat terlebih dahulu supaya dengan cara sebegini dapat mencari maklumat dengan lebih tepat dan mudah.

Selepas mendefinisikan maklumat pelajar perlu menyusun maklumat tersebut. Selain itu lokasi dan capaian juga perlu diambil kira, ini kerana pengkaji mendapati pelajar tidak tahu dan tidak mahir menggunakan *advance keyword* dalam pencarian tajuk artikel. Akhir sekali pelajar perlu mendengar dan melihat maklumat yang dicari berdasarkan kemahiran pencarian maklumat yang berkesan serta meneliti bahan yang diperolehi di *Google Scholar*. Dalam pada masa yang sama mereka dapat membuat citing dalam format APA bagi bahan rujukan mereka dengan lebih mudah dan cepat.

Bagi pemerhatian, walaupun masa yang ditetapkan tidak dapat dipenuhi kerana terdapat seorang pelajar yang masih kurang pendedahan kepada *Google Scholar* terutamanya kepada pelajar yang baru mengenalinya ianya memakan masa 25 minit dalam menggunakan tools yang berada di dalam *Google Scholar* tersebut.

11.0 REKLEKSI

Berdasarkan hasil temubual dan pemerhatian semasa bengkel dijalankan oleh pengkaji, kajian ini telah berjaya mencapai objektif bagi meningkatkan kemahiran menggunakan *Google Scholar* dengan cara yang betul dalam kalangan pelajar sarjana dalam bidang pendidikan, UKM. Ini berdasarkan 100% responden menyatakan bahawa *Google Scholar* membantu mereka dalam pencarian maklumat dengan mudah dan mendapatkan citation dalam format American Psychological Association alam membantu pelajar membuat kajian serta mencari jurnal dan artikel.

Secara keseluruhan, pengkaji berpuas hati dengan hasil kajian tindakan ini. Kaedah pencarian maklumat menggunakan *Google Scholar* ini berjaya memberi kesan yang positif kepada peningkatan kemahiran dalam pencarian sumber maklumat dalam penulisan pelajar. Walaupun pada awal kajian tindakan, terdapat seorang orang pelajar tidak begitu mahir menggunakan *Google Scholar* namun dengan penggunaan berterusan aplikasi ini boleh membantu mereka dalam kajian pada masa akan datang demi menghasilkan penulisan ilmiah dengan lebih mudah.

12.0 IMPLIKASI KAJIAN DAN KAJIAN AKAN DATANG

Ini menunjukkan implikasi kajian daripada google scholar mempunyai impak yang besar dalam proses pencarian maklumat yang berkesan. Secara keseluruhannya, penyelidikan tindakan kajian ini dapat dijadikan slot tambahan sebagai aktiviti penyebaran maklumat pada setiap kali orientasi pelajar baru. Ini sedikit sebanyak memberikan peluang kepada pelajar baru untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam mencari sumber maklumat rujukan dalam tugas ilmiah. Pengkaji berharap agar bengkel ini dapat memberi manfaat kepada semua lapisan baik daripada pelajar dan juga pensyarah.

13.0 REKLEKSI GOOGLE SCHOLAR

Kekurangan dan pengalaman telah mendatangkan pelbagai kekangan kepada pengkaji untuk menyelesaikan kajian tindakan ini. Walaubagaimanapun dengan sokongan pensyarah dan rakan sekelas, pengkaji mampu menghasilkan bengkel Google Scholar ini.

Pengkaji percaya dengan bengkel ini dapat membantu pelajar dalam mencari maklumat jurnal dan artikel dengan tepat dan mudah. Berdasarkan pengalaman pengkaji dalam menjalankan kajian selama empat belas minggu ini, pengkaji telah membuat beberapa rumusan berkaitan tentang penggunaan Google Scholar ebagai pencarian maklumat dalam tugas ilmiah dalam kalangan pelajar sarjana pendidikan, UKM.

Bengkel ini sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar sarjana dalam membuat kajian mereka. Dalam pada masa yang sama dapat menjimatkan masa tanpa perlu pergi ke perpustakaan. Salah satu puncanya adalah kerana kurangnya pendedahan kepada mereka mengenai sumber carian ini.

14.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan kesan kepada setiap peserta kajian dalam meningkatkan kemahiran proses pencarian maklumat dengan cara mudah dan pantas. Pengkaji percaya Google Scholar ini dapat membantu pelajar menghasilkan penulisan akademik dengan cepat, menjimatkan masa dan secara tidak langsung dapat menghilangkan tekanan pelajar.

15.0 RUJUKAN

- Adrienne et. al (2013). Five Essential Skills for Every Undergraduate Researcher. University of Central Florida. Spring 2013, 33(3): 16-20.
- Bargal, D. (2006). Personal and intellectual influences leading to Lewin's paradigm of action research: Towards the 60th anniversary of Lewin's „Action research and minority problems“(1946). *Action Research*, 4(4), 367-388.
- Cresswell JW (2002). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative*. Prentice Hall.
- Farzana Shafique, Mushahid Anwar and Mahe Bushra. (2010). Exploitation of social media among university students: A case study. *Webology*,7(2). <http://scholar.google.com.my/intl/en/scholar/inclusion.html> [accessed Dis 14 2017]
- Jasmi, K. A. (2004). Membina, Mengurus My Citation, dan Meningkatkan Citation dalam Indeks Google Scholar (GC) dalam Kalangan Sarjana Pendidikan Islam in Bengkel Pemantapan Akademik at Mahkota Hotel, Melaka anjuran Persatuan Intelpek Muslim Malaysia, on 10-11 Oktober 2014, pp 1-22.
- Jasmi, K. A. (2014a). Mahasiswa dan Penulisan Kertas Kerja Akademik. In Mahasiswa dan Jasmi, K. A. (2014b). MY Citation - Jasmi, Kamarul Azmi. From <http://scholar.google.com.my/citations?user=FNipKusAAAAJ&hl=en> [accessed Dis 15 2017]
- Kehidupan dari Perspektif Islam (Vol. 2, pp. 1-30). Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Kemahiran Literasi Maklumat ke Arah Modal Insan Berpengetahuan. Availabe from <http://www.archive.unimas.my/centres/cais2013/media/media/pkma/CAIS%20Publication/Bull2/8.pdf> [accessed Oct 12 2017]

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025*, Kuala Lumpur: Bahagian Teknologi Pendidikan
- Mayr, P., & Walter, A.-K. (2007). An Exploratory Study of Google Scholar. *Online Information Review*, 31(6), 814-830.
- Page, L., & Brin, S. (2014). Google's Mission is to Organize The World's Information and Make it Universally Accessible and Useful. From <https://www.google.com.my/intl/en/about/company/> [accessed Dis 13 2017]
- Page, L., & Brin, S. (2014a). Google Scholar from <http://scholar.google.com.my/intl/en/scholar/about.html> [accessed Dis 14 2017]
- Page, L., & Brin, S. (2014b). Inclusion Guidelines for Webmasters. From Sanni, S. A., & Zainab, A. N. (2010). Google Scholar as a Source for Citation and Impact Analysis for a Non-ISI Indexed Medical Journal. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 15(3), 35-51.
- Sanni, S. A., & Zainab, A. N. (2010). Google Scholar as a Source for Citation and Impact Analysis for a Non-ISI Indexed Medical Journal. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 15(3), 35-51.
- Tasir, Z., & Ing, S. C. (2008). *Kajian terhadap pengetahuan mencari dan menilai maklumat menerusi internet di kalangan guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (CINA) di Sibul, Sarawak*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaidatun Tasir & See Ching Ing. (2008). *Kajian Terhadap Pengetahuan Mencari Dan Menilai Maklumat Menerusi Internet Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Di Sibul, Sarawak*, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Lewin, K. (1946). Action research and minority problems. Dalam Louis Cohen, Lawrence Manion & Keith Morrison (2007), *Research methods in education*, Routledge, New York.
- Lewin, K. (1948) Resolving social conflicts. Dalam Louis Cohen, Lawrence Manion & Keith Morrison (2007), *Research methods in education*, Routledge, New York.
- Leung, L. (2010). Effects of Internet connectedness and information literacy on quality of life. *Social Indicators Research*, 98, 273-290.